

20 JUL 2002

Syed Hamid-Iran

DINAR, KEGANASAN ANTARA ISU AKAN DIBINCANG DR M DAN PRESIDEN IRAN

KOTA TINGGI, 20 Julai (Bernama) -- Penggunaan dinar sebagai kaedah pilihan untuk pembayaran bagi perdagangan dan keganasan antarabangsa merupakan antara isu yang dijangka dibincangkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Iran Seyed Mohammad Khatami yang melawat Malaysia mulai esok.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata penggunaan dinar mungkin dibincangkan oleh kedua-dua pemimpin itu kerana Malaysia ingin tahu reaksi Iran terhadap cadangan yang disuarakan oleh Perdana Menteri.

"Penggunaan dinar sebagai kaedah pembayaran bagi perdagangan ini... bukan untuk menggantikan mana-mana matawang tetapi sebagai kaedah lain bagi pembayaran transaksi perdagangan, yang merupakan satu daripada isu yang diminati oleh Dr Mahathir," katanya pada sidang media selepas merasmikan Sekolah Agama Bandar di sini, hari ini.

Beliau berkata Dr Mahathir sebelum ini telah menganjurkan bahawa baik untuk banyak negara jika ada pilihan matawang yang boleh digunakan untuk membuat pembayaran bagi perdagangan antara negara.

"Saya yakin Dr Mahathir akan membincangkan juga perkara ini," katanya dan menurutnya isu penyelesaian konflik Palestin juga mungkin disentuh oleh Dr Mahathir dan Presiden Khatami.

Menjawab soalan lain, Syed Hamid berkata isu keganasan antarabangsa juga kemungkinan besar turut dibincangkan oleh Malaysia dan Iran pada lawatan negara selama tiga hari itu.

"Saya pasti mereka akan bincangkan apa yang negara-negara Islam patut lakukan, kesannya (keganasan) ke atas Islam dan dalam konteks OIC (Persidangan Pertubuhan Islam), yang merupakan isu paling terkini," katanya.

Menteri Luar berkata Dr Mahathir merupakan seorang daripada tokoh yang menganjurkan bahawa keganasan perlu dikendali dan diuruskan secara bersepadu dan Perdana Menteri juga telah berulang kali menyatakan bahawa keganasan tidak harus dikaitkan dengan agama atau dengan Islam.

"... dan dalam kes ini, Iran telah menjadi sebuah daripada negara yang menjadi teladan...telah menonjolkan atau fokuskan" katanya.

Presiden Khatami yang akan tiba esok, akan mengetuai delegasi 91 anggota termasuk lima menteri, lima timbalan menteri dan para pegawai kanan kerajaannya.

Lawatan negara atas jemputan Yang di-Pertuan Agong itu bertujuan merapatkan lagi hubungan dua hala antara Malaysia dan Iran termasuk dengan meningkatkan kerjasama dalam bidang ekonomi khususnya perdagangan dan pelaburan.

Syed Hamid berkata sehingga ini Malaysia dan Iran sudahpun mempunyai kerjasama dalam industri Petroleum dan negara itu juga berminat dalam beberapa bidang lain seperti telekomunikasi, pelancongan dan pendidikan.

"Pendek kata Dr Mahathir dan Presiden Khatami akan berbincang dan bertukar fikiran mengenai bidang yang luas merangkumi soal antarabangsa dan serantau," katanya.

Beliau berkata Presiden Khatami mempunyai minat terhadap dialog ketamadunan untuk merapatkan jurang antara tamadun yang berbeza dan meningkatkan kefahaman mengenai budaya untuk menjamin dunia lebih selamat dan lebih sejahtera.

Selain diraikan oleh Yang di-Pertuan Agong dalam satu jamuan negara, katanya Presiden Khatami juga akan diraikan oleh Dewan Perniagaan dan

Perindustrian Malaysia pada majlis perbincangan dan dialog.

Syed Hamid berkata sepanjang lawatan itu, Malaysia dan Iran akan menandatangani lima perjanjian persefahaman termasuk bagi kerjasama dalam bidang pelancongan, kerjasama dalam teknologi maklumat dengan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) dan bagi mengelak cukai berganda.

-- BERNAMA

MNY RHM